



SIARAN MEDIA
BERHUBUNG PELAKSANAAN PENYERAGAMAN KADAR FI TUKAR
HAK MILIK MOTOSIKAL ANTARA
SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK

Merujuk kepada Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan Malaysia bertarikh 14 Mac 2018 berhubung penyeragaman kadar fi tukar hak milik motosikal antara Semenanjung Malaysia, Sabah Dan Sarawak, kerajaan telah bersetuju supaya kadar fi tukar hak milik motosikal bagi Sabah dan Sarawak diseragamkan mengikut kadar Semenanjung iaitu RM3.

Keprihatinan kerajaan ini adalah bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin dalam mengurangkan beban kepada rakyat terutamanya kumpulan B40. Kadar semasa penukaran hak milik motosikal adalah sebanyak RM3.00 di Semenanjung, RM5.00 di Sarawak dan RM40.00 di Sabah.

Justeru, berkuat kuasa mulai 1 April 2018 Jabatan Pengangkutan Jalan akan melaksanakan penyeragaman fi ini bagi mendukung aspirasi kerajaan dalam merakyatkan perkhidmatan awam.

15 Mac 2018

**Bahagian Korporat dan Perancangan Strategik,
Ibu Pejabat,
Jabatan Pengangkutan Jalan,
Malaysia**

-TAMAT-